

HEBAHAN: PENCALONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF DI NATIONAL HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT INSTITUTE (NHI), REPUBLIK KOREA TAHUN 2017

Unit Komunikasi Korporat

Sent: Tuesday, 21 March, 2017 12:30:49 PM

To: KPM

Attachments: JPA PROGRAM NHI KOREA 2017~1.pdf (569 KB) ; LAMPIRAN I NHI KOREA 2017.pdf (649 KB)

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENCALONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF DI NATIONAL HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT INSTITUTE (NHI), REPUBLIK KOREA TAHUN 2017

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menerima pelawaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengemukakan pencalonan bagi mengikuti **Program Pembangunan Eksekutif Di National Human Resources Development Institute (NHI), Republik Korea Tahun 2017**. Tarikh pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Bil.	Program	Tarikh
1	Program Pembangunan Eksekutif Di <i>National Human Resources Development Institute</i> (NHI), Republik Korea Tahun 2017 Bagi Kumpulan Junior Gred 41-44	17 Julai 2017 hingga 28 Julai 2017
2	Program Pembangunan Eksekutif Di <i>National Human Resources Development Institute</i> (NHI), Republik Korea Tahun 2017 Bagi Kumpulan Senior Gred 48-54	22 Oktober 2017 hingga 03 November 2017

3. Sehubungan dengan itu, pegawai-pegawai **Kumpulan Pengurusan Dan Profesional** yang berminat adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan program tersebut tertakluk kepada kebenaran dan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing serta memenuhi semua syarat/dasar permohonan yang ditetapkan oleh JPA. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman web JPA www.jpa.gov.my atau <http://esilav2.jpa.gov.my> dan dibuka mulai 20 Mac 2017 sehingga 31 Mac 2017.

4. Bersama-sama ini disertakan salinan surat pelawaan JPA(I)S.179/17/2-9 Klt.3 (12)

bertarikh 15 Mac 2017. **Hanya permohonan yang lengkap akan diproses.** Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dimuat turun dan dicetak dengan disertakan dokumen-dokumen berikut:

- i. Borang JPA(L)LDP 1A/96 – (Lampiran B) akan **disediakan oleh BPSM**;
- ii. Borang Perakuan Ketua Jabatan – Lampiran C;
- iii. Salinan Senarai Tugas; dan
- iv. Salinan Kad Pengenalan Calon.

5. Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **30 Mac 2017 (Khamis) jam 5:00 petang** seperti berikut:

5.1 **Bagi Pegawai Perkhidmatan Bukan Guru (PBG)**

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan
Cawangan Pembangunan Manusia dan Latihan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
u.p.: Puan Paridah binti Ali, Tel: 03-8884 7947, Faks: 03-8884 7925,
Emel: paridah.ali@moe.gov.my
u.p.: Encik Danial Abdillah bin Suhaimi, Tel: 03-8884 7943,
Faks: 038884 7925, Emel: danial.suhaimi@moe.gov.my

5.2 **Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)**

Sektor Dasar Keguruan,
Bahagian Pendidikan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 3, Blok E13, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya
u.p.: Puan Siti Mariam binti Sulaiman, Tel: 03-8884 1067,
Faks: 03-8884 1222 dan E-mel: mariam.sulaiman@moe.gov.my
u.p.: Encik Ahmad Sabri bin Abdullah, Tel: 03-8884 1060,
Faks: 03-8884 1222 dan E-mel: ahmad.sabri@moe.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

Urus Setia,
Unit Latihan Dalam Perkhidmatan,
Cawangan Pembangunan Manusia dan Latihan,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,

Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 4, Blok E12, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.